

IDENTITI KEBUDAYAAN DALAM CERITA LEGENDA LOMBOK BERDASARKAN TEORI SEMIOTIK PEIRCE

ZUL PAHMI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021

**IDENTITI KEBUDAYAAN DALAM CERITA LEGENDA LOMBOK
BERDASARKAN TEORI SEMIOTIK PEIRCE**

ZUL PAHMI

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 6 (hari bulan) julai (bulan) 2021

i. Perakuan pelajar :

Saya, **ZUL PAHMI, MATRIK : M20191001003, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI**
(SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa
disertasi/tesis yang bertajuk **IDENTITI KEBUDAYAAN DALAM CERITA LEGENDA LOMBOK**
BERDASARKAN TEORI SEMIOTIK PEIRCE

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil
kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud
yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau
kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya
dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **Prof Madya Dr. Norazimah Zakaria** (NAMA PENYELIA) dengan ini
mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk

IDENTITI KEBUDAYAAN DALAM CERITA LEGENDA LOMBOK BERDASARKAN TEORI SEMIOTIK PEIRCE

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut

Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah

_____(SILA NYATAKAN NAMA
IJAZAH).

6/7/2021

Tarikh



PROF. MADYA DR. NORAZIMAH BT ZAKARIA
PENSYARAH KANAN
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
norazimah@fbk.upsi.edu.my

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **_IDENTITI KEBUDAYAAN DALAM CERITA LEGENDA LOMBOK
BERDASARKAN TEORI SEMIOTIK PEIRCE**

No. Matrik /Matric's No.: **M20191001003**

Saya / I : **ZUL PAHMI**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

PROF. MADYA DR. NORAZIMAH BT ZAKARIA
PENSYARAH KANAN
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
norazimah@fbk.upsi.edu.my

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: **6 / 7 / 2021**

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah SWT kerana atas rahmat-Nya tesis ini berjaya disiapkan, tak lupa juga sholawat dan salam serta terimakasih setinggi-tingginya kepada junjungan alam nabi besar Muhammad SAW yang telah membawa kita pada cahaya islam. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Norazimah bt. Zakaria sebagai penyelia utama untuk semua motivasi, dorongan, nasihat dan bimbingan semasa saya menyelesaikan tesis ini, pandangan, bimbingan, tunjuk ajar serta kesabarannya untuk bersedia berkongsi sangat membantu dalam proses menyusun tesis ini.

Seterusnya, saya ucapkan terima kasih kepada Gabenor Nusa Tenggara Barat dan Lembaga Pengembangan Pendidikan Nusa Tenggara Barat yang telah membrikan saya kesempatan untuk melanjutkan studi *Master* dengan biasiswa penuh dari pemerintah NTB. Penghargaan dan terima kasih pula ditunjukkan kepada ibunda tercinta Rawilah dan ayah tersayang iaitu Alidin yang tidak pernah berhenti berdoa dan memberikan semangat. Saya mendedikasikan penyelidikan ini sebagai simbol cinta-kasih saya kepada mereka. Terimakasih pula kepada Baiq Maulida Amani, Widiatul Magfirah, Dr.Rizky Chaniago, Mustika dan kawan-kawan Universitas Mataram yang sentiasa memberikan sokongan.

Akhir kata, terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung dalam tesis ini, hanya Tuhan yang dapat membalas perbuatan baik anda.

Wassalam.

ZUL PAHMI

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan,

ABSTRAK

Peranan cerita legenda Lombok adalah sebagai satu kearifan lokal masyarakat yang mengandungi falsafah dan identiti kebudayaan yang berlaku di Lombok. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti identiti kebudayaan yang terdapat dalam cerita legenda Lombok dan penganalisisan bentuk-bentuk ikon, indeks dan simbol dengan konteks budaya masyarakat Lombok. Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif dengan dua kaedah kajian iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis kandungan teks. Kaedah analisis kandungan teks bertitik-tolak daripada teori semiotik Charless Sanders Peirce. Bagi mengenal pasti data, prinsip analisis data yang digunakan adalah prinsip analisis data menurut Creswell. Kajian ini mendapati lapan identiti kebudayaan masyarakat Lombok iaitu sistem pengetahuan, bahasa, organisasi sosial, peralatan dan teknologi, sumber penghidupan, kesenian dan keagamaan. Seterusnya, terdapat sembilan sistem tanda berupa ikon imej yang menunjukkan identiti kebudayaan masyarakat tempatan. Manakala sistem tanda yang bersifat indeksikal mendapati enam jenis yang menandakan kondisi sosial dan kebudayaan, dari aspek simbol pula terdapat lima jenis simbol. Kesimpulan kajian iaitu terdapat banyak identiti kebudayaan yang menyentuh segala aspek kehidupan baik kehidupan individu mahupun komuniti masyarakat di Lombok yang berkait rapat dengan kuasa ghaib dan keyakinan sehingga membolehkan cerita legenda Lombok menjadi mitos yang kekal dipercayai hingga sekarang ini. Dapatan memperlihatkan ketajaman pemikiran masyarakat Lombok dalam menggunakan tanda-tanda baik berupa aspek tanda ikon, indeks mahupun simbol. Implikasi daripada kajian ini adalah dalam kedua-dua cerita legenda terdapat banyak identiti kebudayaan dari aspek petanda baik berupa ikon, indeks dan simbol.

CULTURAL IDENTITY IN THE LEGEND OF LOMBOK BASED ON PEIRCE SEMIOTIC THEORY

ABSTRACT

The role of Lombok's legend stories is as a local wisdom of the community that contains the philosophy and the cultural identity in Lombok. Hence, study is to know the cultural identity of the peoples in Lombok and to analyze the forms of icons, indexes, and symbols from the cultural context of the people in Lombok. This study is a qualitative research that uses two methods which are literature review method and content analysis method. The method of analyzing text content is based on the semiotic theory of Charless Sanders Peirce. In order to know the exact data, this study uses the data analysis principle according to Creswell. this study found eight cultural features of the people in Lombok which are the knowledge system, the language, the social organization, the equipment and technology, the livelihood, the art, and the religious. Then, there are nine systems forms of icons that showed the culture of the local community. Meanwhile for the index sign system, there are six types of indexes found which indicated the cultural conditions in Lombok society. As for the aspect of symbols, there are five types of symbols found. The conclusions of this study is there are many cultural identities which involves all aspects of individual and communal life are close to supernatural power and beliefs, that metter made the Lombok legends to be a myth that remains to be believed todays, the finding of this research showed the acumen of though of Lombok society in using the icons, indexes and symbols aspect. The implications of this study are in the two legends of Puteri Denda Mandalika and Dewi Anjani, there are many cultural characteristics from the aspect of signs in the form of icons, indexes and symbols.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
 BAB I PENDAHULUAN	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	9
1.3 Permasalahan Kajian	14
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Soalan kajian	16
1.6 Kepentingan Kajian	16
1.7 Skop dan batasan Kajian	18



1.8	Kaedah Kajian	19
1.9	Teori Kajian	20
1.9.1	Teori Semiotik	20
1.10	Definisi Konsep	21
1.10.1	Identiti Kebudayaan	21
1.10.2	Cerita Legenda	23
1.10.3	Pulau Lombok	23
1.10.4	Semiotik Peirce	24
1.11	Penutup	28

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR 30

2.1	Pengenalan	30
2.2	Kajian Literatur Berkaitan Teori Semiotik	31
2.3	Kajian Literatur Berkaitan Legenda Putri Mandalika	38
2.4	Kajian Literatur Berkaitan Legenda Dewi Anjani	43
2.5	Penutup	45

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 46

3.1	Pengenalan	46
3.2	Reka Bentuk Kajian	47
3.3	Kerangka Kajian	47
3.4	Kaedah Kajian	48
3.4.1	Kaedah Kepustakaan	49

3.4.2 Kaedah Analisis Kandungan Teks (Deskriptif)	49
3.5 Analisis Data	50
3.6 Latar Belakang Teori Semiotik	51
3.7 Teori Semiotik Pierce	55
3.8 Kerangka Teori Kajian	72
3.9 Penutup	74
BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	74
4.1 Pengenalan	74
4.2 Ciri-Ciri Kebudayaan Dalam Cerita Legenda lombok	76
4.2.1 Sistem Pengetahuan	77
4.2.2 Sistem Bahasa	80
4.2.3 Sistem Organisasi Sosial	81
4.2.4 Sistem Peralatan (Tekhnologi)	84
4.2.5 Sumber Penghidupan	88
4.2.6 Kesenian	89
4.2.7 Sistem Agama dan kepercayaan	91
4.3 Bentuk Ikon, Indeks, Simbol dalam cerita legenda Puteri Mandalika dan Dewi Anjani dengan konteks kebudayaan masyarakat Lombok	93
4.3.1 Sistem Tanda Ikon	93
4.3.2 Sistem Tanda Indeks	102
4.3.3 Sistem Tanda Simbol	113

4.4 Penutup	306
-------------	-----

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN	309
---	------------

5.1 Pengenalan	309
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	310
5.3 Rumusan Dapatan Kajian	312
5.3.1 Pencapaian Objektif Kajian	312
5.4 Sasaran dan Cadangan Kajian	314

RUJUKAN	317
----------------	------------

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Muka Surat
3.1	Pembangkitan Tanda Charless Sanders Peirce 61
3.2	Contoh perbezaan ikon, indeks dan simbol 64
4.1	Sistem Pengetahuan dalam Cerita Legenda Lombok 76
4.2	Sistem Organisasi Sosial Masyarakat dalam Cerita Legenda Lombok 80
4.3	Sistem Pengetahuan (Teknologi) dalam cerita legenda Lombok 83
4.4	Sumber Penghidupan dalam cerita legenda Lombok 87
4.5	Sistem Kesenian 88
4.6	Ikon 1 92
4.7	Ikon 2 93
4.8	Ikon 3 95
4.9	Ikon 4 96
4.10	Ikon 5 97
4.11	Ikon 6 97
4.12	Ikon 7 98
4.13	Ikon 8 100
4.14	Ikon 9 101
4.15	Jenis Indeks Dalam Cerita Legenda Puteri Denda Mandalika dan Dewi Anjani 103
4.16	Simbol benda dalam cerita legenda Puteri Denda Mandalika dan Dewi Anjani 210



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Kerangka Kajian	47
3.2 Segitiga Semiotik Peirce	60
3.3 Kerangka Teori Kajian	72
4.1 Simbol Agama	191
4.2 Tulisan pada daun Rontal	224
4.3 Sesek (Tekhnik Produksi Pakaian secara Tradisional di Lombok)	270
4.4 Burung Beberi	303

SENARAI SINGKATAN

LPM	Legenda Putri Mandalika
LDM	Legenda Dewi Anjani
ms	Muka Surat
KBBI	Kamus Besar Bahasa Indonesia
SMP	Sekolah Menengah Pertama
TMM	Ta Melak Mangan

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sastera merupakan salah satu dokumen atau rekod-rekod daripada aktiviti masyarakat yang dinamik dan ianya terus berkembang. Istilah kesusasteraan dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia berkembang daripada kata Sanskrit iaitu *Sastra*. Akar daripada kata *sas-* adalah kata terbitan bermakna mengajarkan, mengajar, memberi petunjuk atau instruksi, dan akhiran *-tra* biasanya menunjukkan alat atau mengajar, memberi petunjuk, buku instruksi atau pengajaran.

Sastera bukan sahaja sebagai sebuah karya berseni, tetapi ianya juga sebagai catatan-catatan yang merangkumi seluruh aktiviti manusia secara kreatif, pernyataan itu bersesuaian dengan pendapat daripada Syed Ali Ashraf (1989, ms. 36) yang menyatakan bahawa sastera bukan sahaja satu bentuk ilmu yang berseni tetapi ianya merangkumi segala aktiviti manusia secara kreatif. Sastera bukan sahaja berfungsi



sebagai medium penglipur-lara semata-mata, tetapi ianya juga merupakan refleksi daripada kehidupan sosial yang boleh mendidik masyarakat pembacanya kerana dalam sastra terkandung pengajaran dan nilai-nilai moraliti yang boleh diteladani dan diamalkan.

Walaupun kesusasteraan merupakan dokumen yang merakam kehidupan sosial, sastra boleh pula sebagai bentuk karya berhak cipta, meskipun bersifat fiksi tetapi beralih dari realiti dan menyediakan keadaan sosial dan kebudayaan yang bersifat kontekstual, perkara itu sangatlah bersesuaian dengan pendapat daripada Henry James (dalam Michel Zerraffa di Elizabeth dan Burns 1973, ms. 36) yang menyatakan bahawa para penulis menganalisis data kehidupan sosial, memahami dan mencuba untuk menentukan tanda-tanda penting untuk dialihwahanakan ke dalam karya sastra.

Daripada pernyataan itu kita boleh membuat kesimpulan bahawa sastra boleh menjadi rekod-rekod yang mempunyai fungsi sebagai penghantar keadaan sosial atau realiti menggunakan bahasa yang lebih bersifat sugestif, logik dan dapat mengungkapkan peristiwa hari-hari dalam masyarakat sehingga menjadi lebih menyentuh dan meninggalkan kesan yang mendalam. Oleh kerana sifatnya yang fiksi, halus, perasaan, intuisi, harapan, emosi dan lain jenis unsur jiwa daripada sastra itulah yang menjadikan sastra itu unggul apabila dibandingkan dengan karya- karya jurnalistik atau laporan penyelidikan yang cenderung menjadi kaku dan berstruktur serta bercorak deskriptif dan informatif semata.

Kesusasteraan klasik atau tradisional yang berbentuk mitos, cerita legenda mahupun dongeng atau yang kita kenal pasti sebagai bentuk daripada kesusasteraan rakyat merupakan folklor berbentuk cerita lisan. Folklor merupakan salah satu unsur





yang berkait rapat dengan kebudayaan tempatan, pernyataan itu disokong dan diperkuat oleh pendapat Soejanto (dalam Soedarsono 1996, ms. 426) yang menyatakan bahawa cerita rakyat adalah sebahagian daripada bentuk budaya, iaitu seni terutama seni sastra.

Folklor berasal dari corak masyarakat dalam menjalankan kehidupan yang pada awalnya ditegakkan dan ditekankan kebudayaan lisannya. Adapun kebudayaan lisan di sini berfungsi sebagai alat pertukaran dan penyampai maklumat dan memberi seseorang kebebasan untuk menggunakannya, perkara inilah yang memberi ruang eksistensi folklor sehingga boleh kekal di tengah masyarakat. Folklor yang termasuk kesusasteraan lisan dicipta oleh masyarakat tertentu bukan sahaja sebagai hiburan atau warisan budaya semata-mata, walau bagaimanapun, cerita rakyat dicipta berdasarkan tujuan tertentu iaitu sebagai pedoman atau panduan kepada komuniti pemilik folklor itu, perkara itu wujud kerana folklor mengandungi nilai-nilai dan norma-norma kebudayaan yang boleh digunakan untuk mengatur kehidupan sosio-kultur masyarakat untuk meningkatkan kebajikan dan mewujudkan keamanan.

Cerita lisan biasanya bermula dari mulut ke mulut, dari generasi ke generasi, maka ianya adalah hasil bersama atau kesusasteraan ialah kepunyaan daripada rakyat banyak, seorang individu tidak boleh mengakui atau mendakwa bahawa karya sastra lisan itu ialah hasil karyanya kerana kesusasteraan rakyat itu ialah bermula daripada warisan nenek moyang, hal itulah yang menyukarkan kita untuk mencari maklumat-maklumat tentang siapa pengarang daripada kesusasteraan lisan atau kesusasteraan rakyat. Dari penjelasan inilah kita boleh membuat kesimpulan bahawa kesusasteraan





lisan adalah kepunyaan satu kawasan atau kepunyaan bersama sebagai satu bentuk tafsiran pengalaman di masa lalu.

Semua ini berlaku kerana penulis pada masa itu tidak berfikir tentang keuntungan pribadi mereka atau untuk tujuan publisiti semata, tetapi sebaliknya, mereka menyumbangkan karya mereka untuk kebaikan bersama, sehingga mereka jarang atau tidak menulis nama mereka pada karya sastera, di samping itu, mereka pula meyakini bahawa berbuat demikian merupakan satu sikap keangkuhan dan kesombongan dan perkara itu sangat bertentangan dengan sikap, sifat dan watak individu pada saat itu.

Sastera rakyat bemula dalam masyarakat yang masih mempunyai ciri-ciri tradisional, meskipun perkara ini bertentangan dengan pendapat daripada Robert Redfielt yang menyatakan bahawa kesusasteraan bertulis adalah *greet tradition*, dan kesusasteraan lisan merupakan *little tradition*, tetapi Muhd Mansur Abdullah (1988, ms. 12) menerangkan bahawa tradisi lisan ini mengandungi kegiatan kebudayaan yang sangat rapat dengan masyarakat tradisional, masih memiliki sistem kepercayaan dan keyakinan yang bersifat tradisional, percaya pada unsur-unsur dan kekuatan ghaib dan sifat alam yang luar biasa. Ia pula menjelaskan bahawa kandungan cerita lisan membincangkan cerita para dewa, tuhan, roh yang menghuni alam semulajadi, cerita yang menceritakan tentang peristiwa alam, keinginan manusia, kelahiran *culture hero* atau pahlawan atau cerita yang dianggap suci. Kesusasteraan rakyat atau klasik itu jarang diterbitkan oleh penerbit kerana kurangnya penerimaan dari pembaca umum. Oleh kerana kekurangan penerbitan, sastera rakyat tidak terlalu meluas seperti sastera moden atau sastera populer yang lain.





Dalam masyarakat Melayu tradisional, aktiviti penulisan sangat berkaitan rapat dengan kedatangan agama Islam, kerana agama Islam itu yang memperkenalkan tulisan-tulisan *Jawi* kepada rakyat di Nusantara, tetapi warisan sejarah dari masa dahulu membuktikan bahawa sebelum kedatangan Islam ada kecenderungan dan aktiviti rakyat dalam kesusasteraan, mereka sudah mempunyai aksara-aksara sendiri-sendiri.

Harus diakui bahawa pada zaman sebelum agama Islam, aktiviti penulisan terhadap hanya kepada peraturan-peraturan keagamaan, undang-undang, peristiwa-peristiwa penting dan pantang-larang yang mempunyai signifikan sosial. Bentuk sastera tulis terhadap pada biara dan para pendeta, manakala perkembangan daripada sastera lisan itu hanya berkembang di tengah-tengah rakyat jelata, hal itu pula dijelaskan oleh P.



Voorhoeve dalam bukunya yang bertajuk *Pre-Jawi Manuscripts*.

Before the Jawi script was introduced from India together with Islamic literature and before the introduction of European paper, the Malays were not illiterate. There are also Malay Manuscripts in pre-Jawi scripts and undoubtedly pre-Islamic content.

(P. Voorhoeve, 1881, ms. 9)

Seperti cerita-cerita mitos dan cerita asal-usul, cerita legenda pula merupakan kesusasteraan rakyat yang di dalamnya mengandungi unsur-unsur kepercayaan dan keyakinan. Dalam cerita legenda, watak-watak yang diceritakan memiliki sifat-sifat kepahlawanan dan keistimewaan yang tinggi, misalnya hikayat Hang Tuah dan Hang Jebat, hikayat bercorak Islam iaitu Hikayat Amir Hamzah, dalam agama Hindu yang





tersohor adalah Mahabarata dan Ramayana, perihal itu dimaksudkan untuk memberikan kekuatan watak dalam cerita, oleh itu, akan menimbulkan rasa bangga terhadap watak-watak dalam legenda masing-masing kawasan sehingga akan muncul keyakinan dan kepercayaan rakyat akan kebenaran dalam cerita.

Legenda sering dikaitkan dengan nama-nama atau kesan dalam suatu tempatan bagi mengukuhkan bukti bahawa cerita itu berasaskan kebenaran, selalunya tempat-tempatnya itu dikaitkan dengan perkara ghaib dan magis (W.R. Halliday dalam Abdullah Muhd. Mansur, 1988, ms. 30) menyatakan bahawa cerita legenda itu adalah penulisan sejarah yang bercorak primitif, manakala Mohd. Taib Osman sendiri lebih cenderung untuk menggelarkannya sebagai roman sejarah rakyat, sebab konsep persejarahannya tidak dipentingkan sangat, sebaliknya roman ataupun ceritanya yang difokuskan begitu terperinci sekali.

Jika kita meninjau dari masa berlakunya, cerita legenda ataupun mitos dapat dikesan dari lama dan baharunya, hal itu bersesuaian dengan pendapat Abdullah Muhd. Mansur (1988, ms. 31) yang menyatakan bahawa cerita mitos itu menggunakan latar masa yang lebih jauh atau lama sedangkan cerita legenda adalah pada masa yang lebih baharu sedikit. Cerita-cerita mitos dan legenda dianggap suci dan mulia serta mempunyai ciri-ciri dan nilai keagamaan yang boleh dipercayai dan dikekalkan oleh sesuatu bangsa. Satu lagi yang membezakan antara mitos dan legenda ialah watak yang diangkat di dalamnya, kalau mitos watak utamanya digambarkan lebih supernatural dan ghaib sifatnya: mungkin dewa dan penjelmaan, namun legenda wiranya adalah terdiri daripada manusia biasa yang *super human* atau yang mempunyai kekuatan dan keajaiban.





Hubungan legenda dengan kebudayaan masyarakat pencipta sastra lisan pula boleh dilihat dari pelbagai jenis cerita legenda yang berkembang di Nusantara, selain kesusasteraan lisan yang diciptakan sebagai karya seni dan sebagai hiburan juga karya sastra lisan dipercayai merupakan sesuatu yang suci. Satu contoh sastra lisan yang berkembang pada masyarakat tradisional Jawa ialah cerita legenda *Calon Arang*, dalam tradisi Jawa, embrio atau asal-usul daripada kisah ini ditulis sejak tahun 1540 Masihi, hingga kini *script* itu masih disimpan dengan apik di perpustakaan nasional. Sedangkan pada masyarakat Bali, kisah ini dipelihara di *Geguritan* yang merupakan salah satu tradisi lisan yang berkembang di Bali dan masih dihidupkan semula melaluimulut ke mulut yang sering disebut pada tingkat akademik sebagai *folk literature*.



Pada masa sekarang ini, legenda *Calon Arang* adalah legenda rakyat yang ditulis semula dalam pelbagai *genre*, bukan sahaja dalam bentuk *script* dan persembahan drama akan tetapi juga ianya banyak di kreasikan dalam bentuk novel dan dalam bentuk seni-seni yang lainnya misalnya *traditional dance* bahkan dikembangkan dalam sebuah filem dengan tajuk utama “Ratu Sakti Calon Arang” pada tahun 1985 yang dibuat oleh PT. Filem Intercine Soraya. Selain itu, teks pertamatentang *Calon Arang* diterjemahkan oleh Poerbatjaraka pada tahun 1926 dalam bahasa Belanda dan terjemahan bebas salah satu versi *Calon Arang* telah dimuat dalam majalah Bahasa dan Kebudayaan No. 2/1954.

Selain daripada masyarakat Bali dan Jawa, ramai pula cerita lisan yang berkembang di tengah-tengah masyarakat di Nusa Tenggara Barat, semisal di pulau Sumbawa, cerita legenda bertajuk Tanjung Menangis turut pula mewarnai





kesusasteraan lisan masyarakat tempatan yang dipercayai memiliki nilai ghaib dan masih diyakini oleh masyarakat sebagai legenda yang sebenar-benarnya pernah terjadi, rakyat pulau Sumbawa percaya bahawa jika pasangan kekasih muda-mudi yang mandi di kawasan Tanjung Menangis, maka mereka akan berkahwin dan cinta mereka akan abadi.

Di pulau Lombok terdapat legenda tentang Puteri Mandalika dan Dewi Anjani yang hingga saat ini masih dianggap sebagai ceritra-ceritra yang suci dan benar-benar wujud. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan rapat antara masyarakat dan mitos atau legenda yang berkembang di dalamnya, bukan hanya sebagai cerita, tetapi ianya mempunyai kedudukan yang lebih tinggi dan bahkan dilaksanakan sebagai satu kepercayaan. Salah satu bukti adanya kepercayaan itu adalah adanya beberapa ritual dan perayaan yang berhubungan dengan legenda itu serta watak dalam cerita legenda itu dikekalkan pada patung-patung dan digunakan untuk nama-nama jalan dan tempat.

Cerita legenda tentunya memiliki unsur simbolik yang boleh dilihat dari kandungan-kandungannya. Ia penting bagi mempengaruhi pemikiran individu atau masyarakat untuk menjadi lebih sempurna dalam kehidupan sehingga terbentuk satu kearifan berbudaya. Kajian ini bertitik tolak daripada Teori Semiotik yang melihat bagaimana simbol yang terdapat dalam legenda boleh berhubungan dengan kebudayaan masyarakat Lombok.



1.2 Latar Belakang Kajian

Di antara pelbagai macam kekayaan sastra lisan yang ada dalam masyarakat ialah cerita legenda, setiap kawasan di Nusantara mempunyai legenda yang berbeza-beza dan setiap kawasan pula mempunyai cerita yang berkait rapat dengan kepercayaan yang berlaku di tengah-tengah masyarakat tempatan, contohnya seperti di Sumatera, berkembang cerita tentang legenda Danau Toba yang dipercayai adalah kisah dari legenda seorang petani yang memiliki isteri suatu inkarnasi seekor ikan. Sebelum perkahwinan, mereka berjanji tidak menyebut asal-usul daripada isterinya kepada anak-anak mereka. Pada suatu hari ketika anaknya hendak menghantarkan makanan ke ladang tempat ayahnya bekerja, dalam perjalanan anak itu mengantuk dan tertidur, perkara itu yang membuat sang ayah sangat marah dan kecewa, kemudian dengan emosi ayahnya berkata kepada anak itu bahawa ia adalah anak ikan, perkara inilah yang menyebabkan marahnya sang isteri, kemudian datanglah air yang membanjiri ladang mereka dan itulah asal-usul wujudnya Danau Toba.

Legenda tentang *Nyi Roro Kidul* di Yogyakarta juga turut menambah khazanah kekayaan sastra rakyat dalam bentuk cerita legenda, kisah *Ratu Kidul* adalah cara rakyat memahami makna realiti yang ada di tanah Jawa. Setiap peristiwa atau kejadian alam yang berlaku di Pantai Selatan sentiasa dipercayai oleh orang-orang atau masyarakat sebagai satu hal yang tidak boleh dipisahkan dari peranan Nyi Roro Kidul.



Pulau Lombok ialah sebuah pulau yang berada di Nusa Tenggara Barat, di sebelah barat, pulau Lombok dan Bali dipisahkan oleh Selat Lombok dan di sebelah timur pulau Lombok berbatasan dengan Pulau Sumbawa yang hanya dipisahkan oleh Selat Alas. Berdasarkan data statistik di Provinsi Nusa Tenggara Barat, yang diakses melalui situs web Badan Pusat Statistik Nusa Tenggara Barat tahun 2019 menjelaskan bahwa pulau Lombok yang dikenali sebagai Pulau Seribu Masjid itu ditaksirkan mempunyai populasi penduduk dari 2010 hingga 2020 yang mencapai 3.352.989 orang, terdapat 1.600.939 lelaki dan wanita berjumlah 1.752.050 jiwa.

Pulau Lombok dikenal dengan kecantikan alam semulajadinya, pelancongan alam bahari dengan pesisir pantai selatan yang menakjubkan, tarikan alam semulajadi gunung Rinjani yang terjaga dan bahkan wisata budaya yang memperlihatkan diri mereka menjadi sangat eksotik, perkara ini membuktikan bahwa rakyat Lombok tetap menjaga kebiasaan dan adat-istiadat serta nilai-nilai kebijaksanaan budaya tempatan mereka.

Beberapa perkampungan pelancongan yang basis kebudayaan telah lama dibina di pulau Lombok, diantaranya ialah kampung Sade, Ende, Marong, Setanggor dan yang lainnya, kampung-kampung ini masih menjaga nilai-nilai seni tradisional yang dipetik dari cerita-cerita legenda dan cerita lisan yang diwariskan dari nenek moyang mereka.

Dalam masyarakat Lombok, legenda berkembang dengan baik, diantara legenda-legenda yang paling terkenal iaitu legenda Puteri Mandalika dan legenda Dewi Anjani . Legenda ini adalah bentuk refleksi dari kondisi sosial masyarakat dan





falsafah kehidupan masyarakat, nilai mulia dan karakter masyarakat sebagaimana terlihat dalam kedua legenda tersebut. Kerana kisah ini hanya berkembang secara lisan dan berkembang dari mulut-kemulut sehingga tidak ada sumber tertulis yang boleh digunakan sebagai rujukan untuk mengetahui siapa yang mencipta legenda ini. Oleh kerana itu, cerita *Legenda Puteri Mandalika* telah dikembangkan dalam pelbagai versi, termasuk buku tentang kisah Puteri Denda Mandalika yang merupakan bahan kajian ini juga merupakan versi yang tersendiri, walau bagaimanapun, semua versi daripada cerita legenda itu hampir sama iaitu hubungan antara Puteri Mandalika dan mitos asal-muasal daripada tradisi *Bau Nyale* (tradisi menangkap cacing laut) di pulau Lombok yang masih diamalkan hingga saat ini.

Kecantikan Puteri Denda Mandalika telah menjadikannya sebagai salah satu perebutan daripada banyak pangeran kerajaan pada masa itu, dalam kisah itu, diceritakan bahawa beberapa pangeran kerajaan pada masa itu datang untuk meminang Puteri Mandalika, tetapi jika Puteri Mandalika memilih satu daripada putera kerajaan itu, niscaya akan ada pertumpahan darah, hal itu tidak diinginkan oleh Puteri Mandalika, yang membuat puteri Mandalika mengorbankan dirinya dengan cara melompat ke tengah laut Pantai Selatan yang saat ini dikenali dengan nama pantai *Seger*, sehingga akhirnya Puteri Mandalika berubah wujud menjadi cacing laut yang dikenal dengan nama *Nyale*. Pengorbanan itu dilakukan oleh Puteri Mandalika supaya semua rakyat dapat menikmati Puteri Mandalika tanpa adanya pertumpahan darah. Penduduk Lombok percaya bahawa *Nyale* di kawasan mereka adalah penjelmaan daripada Puteri Mandalika sebagai wujud daripada pengorbanan yang dilakukannya.





Sebagai salah satu masyarakat yang dinamik dan terus berkembang baik secara pemikiran mahupun ilmu pengetahuan, masyarakat Lombok memberi pelbagai respon terhadap legenda Puteri Mandalika itu sebagai sebuah kepercayaan. Pelbagai cara masyarakat menghargai dan mengapresiasi cerita *Legenda Puteri Mandalika*, salah satunya adalah dengan menghasilkan produk-produk seni baharu, seperti bentuk tarian, puisi, skrip dan persembahan drama kolosal dan banyak yang dicipta serta dikreasikan dalam bentuk filem pendek oleh generasi-generasi muda. Hal inilah yang membuat legenda tersebut terus terjaga dan dikekalkan dalam masyarakat di Pulau Lombok.

Selain cerita *Legenda Puteri Denda Mandalika*, legenda *Dewi Anjani* menjadi salah satu legenda besar dalam masyarakat Lombok, legenda ini dipercayai sebagai legenda asal-usul semula adanya manusia di pulau Lombok. Semasa pulau Lombok tidak mempunyai nama dan pulau Lombok belum didiami oleh manusia, pulau ini hanya didiami oleh seorang ratu jin bernama Dewi Anjani yang diiringi oleh seorang patih bernama patih Songan. Dewi Anjani memiliki banyak prajurit dari sebangsa jin dan ia pula memiliki seekor burung peliharaan bernama burung *Beberi*, burung itu mempunyai paruh dari perak dan kuku jari kaki yang sangat tajam dari baja, Dewi Anjani dan pengikutnya tinggal di puncak Gunung Rinjani yang terletak di pulau Lombok.

Suatu hari, setelah pulang dari mengelilingi daratan pulau Lombok, Patih Songan datang kepada Dewi Anjani dan ia berkata bahawa pulau itu sudah sesak dengan pokok-pokok besar dan memberi saran kepada Dewi Anjani untuk segera mengisi pulau itu dengan manusia, keesokannya, Dewi Anjani bersama dengan patih





Songan dan burung *Beberi* menjelajah seluruh kawasan tanah pulau Lombok. Setelah mencari tempat yang sesuai, Dewi Anjani segera memerintahkan burung *Beberi* untuk memotong pokok-pokok yang tumbuh dan bersemak di sekitar kawasan itu, burung *Beberi* segera melaksanakan perintah Dewi Anjani. Dengan paruh dan kuku yang tajam, dia boleh menyelesaikan semua tugas dengan mudah, seterusnya Dewi Anjani segera mengubah sepuluh pasangan suami dan isteri dari bangsa jin menjadi manusia, sepuluh pasangan itu kemudian menetap di kawasan itu dan hidup sebagai petani.

Legenda ini masih dijadikan sebagai salah satu legenda yang dipercayai memiliki nilai mistik yang tinggi di pulau Lombok, kisah ini diceritakan dalam teks kuno seperti babad *Doyan Nede*. Selain itu, masyarakat sering mengaitkan semua bentuk fenomena alam yang terjadi di Pulau Lombok tidak terlepas daripada peran Dewi Anjani. Gempa yang berlaku pada tahun 2018 pula dipercayai oleh penduduk Lombok sebagai bentuk teguran daripada Dewi Anjani kerana sebahagian besar sampah di gunung Rinjani disebabkan oleh banyaknya pelancong yang tiba tanpa mempertimbangkan dan mengindahkan maklumat kebersihan alam gunung Rinjani.

Dua cerita legenda di Lombok tersebut merupakan cerita yang bukan hanya bersifat fiksi, tetapi dipercayai mempunyai nilai falsafah yang tinggi, mengandungi tanda-tanda, penuh dengan pesan moral baik yang disampaikan secara tersirat melalui tanda-tanda mahupun secara tersurat yang boleh digunakan sebagai kisah warisan leluhur yang harus dipelihara dan digunakan sebagai landasan filosofis dalam hidup. Tidak jarang orang-orang di sekitar pantai *Seger* melakukan ritual untuk menambah keyakinan mereka tentang kemunculan puteri Mandalika dan begitu pula dengan





masyarakat di sekeliling lereng gunung Rinjani yang sering melakukan ritual di gunung sebagai bentuk interaksi dengan Dewi Anjani, oleh itu. Kedua watak daripada cerita legenda tersebut merupakan ikon paling populer di pulau Lombok, sehingga ia amat penting dikaji bagi mengangkat kembali kebudayaan dan falsafah orang Lombok yang terkandung dalam legenda melalui simbol.

Daripada penjelasan-penjelasan di atas, maka perlu adanya kajian-kajian yang berkaitan dengan kedua cerita legenda itu sehingga boleh memberi pemahaman kepada generasi hadapan tentang pentingnya menjaga dan mengekalkan nilai-nilai luhur yang terjandung di dalam kedua cerita legenda itu. Oleh itu, pada kajian ini boleh dirumuskan dua objektif kajian iaitu mengenal pasti identiti kebudayaan masyarakat Lombok dalam cerita legenda puteri Mandalika dan Dewi Anjani dan yang kedua adalah menganalisis bentuk-bentuk tanda yang terdapat dalam cerita legenda berdasarkan paa teori semiotik Peirce. Sehubungan itu, simbol-simbol yang ada dalam cerita legenda Lombok akan dilihat berdasarkan bentuk kedua (objek) oleh Charless Sanders Peirce.

1.3 Permasalahan Kajian

Kajian yang berkaitan dengan legenda telah banyak dilakukan oleh para penyelidik yang ada di dalam mahupun di luar negara. Berdasarkan kajian Salamae (2002), Jhy Wee Sew (2016), Alfiah Nurul Aini (2013), Kim Jang Gyem (2008), Tengku Intan Marlina (2006) melihat semiotik sebagai landasan dalam mengkaji watak utama, penggunaan metafora, makna tanda dan bagaimana penggunaan tanda dalam novel





(karya sastra moden), manakala Mazarul Hasan (2007), Tengku Intan Marlina & Salinah Jaffar (2013) melihat semiotik berdasarkan penggunaan simbol dalam mantra dan hikayat. Oleh itu, bahan sastra lama ada dalam bentuk sastra tradisional atau moden boleh dikaji menggunakan teori semiotik.

Seterusnya, peranan legenda Puteri Mandalika dan Dewi Anjani sebagai sebuah kearifan lokal masyarakat Lombok mencerminkan falsafah dan kebudayaan yang berlaku di kawasan Lombok pada masa silam. Dalam kedua-dua cerita legenda itu pula tidak terlepas dari tanda-tanda yang dapat di tafsirkan sebagai sebuah nilai-nilai moral dan dapat diambil serta diamalkan dalam kehidupan bermasyarakat. Pada kes ini, cerita legenda Lombok yang telah diangkat sebagai sumber kearifan lokal tempatan, wajar mendapat perhatian daripada aspek kajian baharu sebagai salah satu medium kekayaan khazanah bangsa pada masa kini. Dalam kajian ini akan dilihat bagaimana identiti kebudayaan masyarakat di Lombok pada zaman dahulu sebagai kearifan lokal yang terdapat pada cerita legenda dan bagaimana bentuk-bentuk ikon, indeks dan simbol dalam cerita legenda Lombok.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif sebuah kajian, terdapat dua objektif kajian yang ingin dicapai iaitu:



1.4.1 Mengenal pasti identiti kebudayaan masyarakat Lombok yang terdapat dalam cerita *Legenda Puteri Denda Mandalika* dan *Legenda Dewi Anjani*.

1.4.2 Menganalisis bentuk-bentuk ikon, indeks dan simbol dalam cerita *Legenda Puteri Denda Mandalika* dan *Legenda Dewi Anjani* dengan konteks kebudayaan masyarakat Lombok.

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan soalan kajian berikut:

1.5.1 Apakah bentuk identiti kebudayaan masyarakat Lombok yang terdapat dalam cerita legenda Puteri Mandalika dan Dewi Anjani.

1.5.2 Bagaimanakah bentuk ikon, indeks dan simbol dalam cerita legenda Lombok dengan konteks kebudayaan masyarakat Lombok.

1.6 Kepentingan kajian

Cerita legenda merupakan salah satu bentuk sastra lisan, sehingga ianya disampaikan secara lisan dari satu generasi kepada generasi lainnya dan mempunyai peranan penting dalam kehidupan masyarakat tradisi oral. Kajian ini amat penting dilakukan



kerana cerita legenda banyak mengandungi nilai-nilai falsafah yang tersurat dan yang tersirat di dalamnya.

Pada amnya, kajian terhadap kedua cerita legenda ini telah banyak dilakukan, tetapi terhadap kajian mengenai unsur instrinsik dan ekstrinsik sahaja, sedangkan kajian daripada aspek semiotik khususnya Semiotika Charless Sanders belum pernah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik dan sarjana baik sarjana tempatan mahupun sarjana luar negara, sehingga meneroka kebudayaan daripada aspek semiotika pada cerita *Legenda Puteri Denda Mandalika* dan *Legenda Dewi Anjani* ini masih perlu diberikan perhatian.

Kajian ini perlu dilakukan untuk mencapai kepentingan baik secara teori mahupun secara praktikal. Secara teori, kajian ini berguna bagi pengkaji dan pembaca iaitu sebagai tambahan referensi terhadap kajian yang akan dilakukan nantinya oleh penyelidik-penyelidik sastera rakyat terutama mengenai cerita legenda sesuatu masyarakat di masa hadapan, kajian ini dapat mempelbagaikan corak kajian terhadap sastera rakyat, khususnya tentang semiotik Charless Sanders Peirce terhadap cerita legenda Puteri Mandalika dan Dewi Anjani .

Secara praktikal, kajian ini pula di harapkan boleh memberi manfaat kepada masyarakat, institusi pendidikan dan kepada Nusa Tenggara Barat pada amnya. Manfaat kepada masyarakat di pulau Lombok adalah kajian ini memberi pemahaman tentang pentingnya memelihara, memupuk dan menanam sikap mencintai, mengekal dan memelihara warisan kebudayaan sebagai khazanah warisan lama, seterusnya hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai materi dan bahan ajar siswa pada pelajaran Seni-





Budaya di tingkat sekolah rendah (*Elementary School*) mahupun sekolah menengah atas (*Senior High School*) sehingga nilai-nilai luhur yang ada dalam cerita legenda boleh ditanamkan kepada pelajar-pelajar sejak usia kanak-kanak.

Seterusnya, kajian ini pula bermanfaat untuk Nusa Tenggara Barat bagi menambahkembangkan kawasan pelancongan KEK Mandalika (Kawasan Ekonomi Khusus Mandalika) yang mana kawasan Mandalika sekarang ini sedang melakukan pembangunan sama ada pembangunan infrastruktur mahupun pembangunan sumber daya manusia untuk menjadi kawasan pelancongan berbasis kebudayaan. Selain daripada itu, terdapat satu *event* yang berhubungan dengan cerita *Legenda Puteri Mandalika* iaitu *event Bau Nyale* yang sudah menjadi *event* internasional, sehingga kajian ini akan bermanfaat untuk memberikan pemahaman kepada pelaku dan pengelola pelancongan sebagai bahan rujukan bagi menjelaskan tentang sejarah dan falsafah *Bau Nyale* kepada pelancong luar negara mahupun pelajar-pelajar yang melakukan *study* kebudayaan di kawasan Mandalika.

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini akan dibataskan pada dua cerita legenda, iaitu legenda Puteri Denda Mandalika dan legenda Dewi Anjani. Cerita mengenai Puteri Denda Mandalika yang berkembang di pulau Lombok wilayah Nusa Tenggara Barat yang diterbitkan oleh Pusat Bahasa, Bahagian Projek Pembinaan Buku Sastera Indonesia dan Daerah, Jakarta pada tahun 2002. Dalam buku Puteri Denda Mandalika karangan S.S.T Wisnu Sasangka telah membahagi menjadi enam bahagian cerita, iaitu Serbuan Tentara





Majapahit, Puteri Denda Mandalika, Sayembara Sang Raja, Perang Tanding, Pertemuan Tak Terduga, Kemenakan Sang Permaisuri dan semua cerita tersebut tergabung menjadi satu cerita yang berlanjut.

Cerita yang kedua adalah legenda Dewi Anjani dengan judul buku “Legenda Dewi Anjani Penguasa Gunung Rinjani” yang disusun oleh Siti Raudloh dan diterbitkan oleh Kantor Bahasa Nusa Tenggara Barat, Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan tahun 2017.

Kajian ini akan melihat aspek identiti kebudayaan masyarakat Lombok yang terdapat dalam cerita Legenda Puteri Mandalika dan Legenda Dewi Anjani, identiti kebudayaan yang dimaksud dalam kajian ini adalah pengertian identiti kebudayaan secara khusus sahaja (kebudayaan tradisional), seterusnya akan menganalisis bentuk-bentuk tanda dalam cerita Legenda Dewi Anjani dan Legenda Puteri Denda Mandalika berdasarkan pada teori semiotik Charles Sanders Peirce tahapan kedua (*Secondness*) iaitu aspek tanda ikon, indeks dan simbol. Peirce telah membahagi aspek ikon menjadi tiga iaitu ikon imej, ikon diagram dan ikon metafora, namun dalam kajian ini aspek ikon akan terhad pada ikon imej sahaja.

1.8 Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berdasarkan kepada kaedah kajian kepustakaan, iaitu merupakan salah satu teknik pengumpulan data dengan cara membaca buku, membuat kajian literatur yang berhubungan dengan masalah yang



sedang di tekuni (Maryeni, 2005, ms. 73), baik dalam bentuk jurnal, tesis dan artikel, buku-buku dan sumber-sumber lain yang bersesuaian. Terdapat dua kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis kandungan teks (deskriptif). Kaedah analisis kandungan teks (deskriptif) menggunakan teori Semiotik Peirce dan berpadukan pada prinsip Creswell bagi mengenal pasti data dan akan di bincangkan dalam bab 3.

1.9 Teori Kajian

1.9.1 Teori Semiotik

Kajian ini menggunakan teori semiotik untuk menganalisis tanda dalam cerita legenda Lombok, Semiotik atau ada yang menyebutnya semiotika berasal dari bahasa Yunani iaitu '*semeion*' yang bererti 'tanda'. Semiotik adalah cabang ilmu yang bicara mengenai kajian tentang tanda atau segala sesuatu yang berhubungan dengan tanda, seperti sistem tanda dan proses yang berlaku bagi pengguna tanda (Zoest, 1991, ms. 1). Menurut Charles Sanders Peirce proses pemaknaan dan penafsiran tanda dalam semiotik disebut proses *semiosis*. Istilah *semiosis* digambarkan sebagai suatu proses dari pencerapan sesuatu oleh indra kita yang kemudian diolah oleh kognisi kita.

Pada kajian ini, teori semiotik yang digunakan adalah semiotik Charles Sanders Peirce tahap kedua tanda (*secondness*) iaitu objek yang menerangkan tentang ikon, indeks dan simbol yang terdapat dalam cerita Legenda Puteri Denda Mandalika dan Legenda Dewi Anjani. Pemilihan teori semiotik Peirce pada kajian ini kerana teori

semiotik Peirce merupakan semiotik fragmatis yang bersesuaian digunakan untuk menemukan bentuk-bentuk identiti kebudayaan dalam karya sastra.

1.10 Definisi Konsep

Beberapa konsep yang akan digunakan dalam kajian ini yang diberikan definisi istilah. Setiap istilah akan dijelaskan mengikut konteks dalam kajian ini untuk memudahkan pemahaman dan perbincangan yang berkaitan.

1.10.1 Identiti Kebudayaan

Perkataan tentang ‘kebudayaan’ dan ‘budaya’ agak sukar dibezakan kerana kedua-duanya sering digunakan secara berganti-ganti oleh pelbagai pihak. Terdapat dua konsep penjelasan tentang kebudayaan, yang pertama ialah *culture* yang berakar pada pemikiran-pemikiran barat dan yang kedua adalah konsep adat yang berakar pada pemikiran melayu. Budaya didefinisikan dalam *Kamus Dewan* (1996) sebagai tamadun, peradaban, kemajuan. Kebudayaan juga di definisikan sebagai keseluruhan cara hidup sesuatu masyarakat, tamadun, peradaban dan budaya.

Anwar Din (2017, 29) menjelaskan bahawa kebudayaan ialah segala yang berkait dengan etos (nilai sosial), sistem sosial, simbol, perilaku, pembahasan, pemikiran, pengetahuan, hal ehwal kepercayaan, adat resam (peraturan kemasyarakatan), kebiasaan, kesenian, keupayaan, sikap dan warisan dalam

lingkungan kehidupan manusia yang menciptanya. Dari definisi di atas, kita boleh memberikan kesimpulan bahawa kebudayaan merupakan budi, kepercayaan, dan segala bentuk cara hidup manusia.

Memahami identiti kebudayaan akan dilihat daripada dua makna, iaitu pemahaman secara umum dan pemahaman secara khusus. Pengertian umum secara etimologi, kata identiti berasal dari kata *identity* yang bermaksud (1) keadaan atau realiti tentang sesuatu yang sama, keadaan yang serupa antara satu sama lain; (2) syarat atau fakta mengenai sesuatu yang serupa antara dua orang atau dua perkara; (3) keadaan atau fakta yang menggambarkan sesuatu yang sama antara dua individu atau dua kumpulan objek. Oleh itu, identiti menyiratkan makna persamaan atau kesatuan dengan orang lain dalam bidang atau perkara tertentu (Rummens, 1993: 157-159).

Secara khusus, identiti kebudayaan adalah ciri yang dimiliki oleh sekelompok orang yang batasannya diketahui jika dibandingkan dengan ciri budaya atau ciri orang lain. Jika seseorang ingin mengetahui dan menetapkan identiti kebudayaan, maka tidak hanya menentukan wujud secara fizikal atau biologi sahaja, tetapi mengkaji identiti struktur kebudayaan, corak persepsi, pemikiran, identiti kebudayaan sekelompok orang melalui susunan pemikiran (cara berfikir, orientasi pemikiran), perasaan (cara merasakan dan orientasi perasaan), dan cara bertindak (orientasi tindakan).

Berasaskan kepada pemahaman di atas, maka identiti kebudayaan dapat disimpulkan sebagai suatu yang mengandungi ciri-ciri fizikal, pemikiran, cara

bertindak dan persepsi yang sama dalam suatu komuniti masyarakat yang membezakan antara masyarakat yang satu dengan yang lainnya.

1.10.2 Cerita legenda

Cerita merupakan serangkaian peristiwa atau kejadian yang disampaikan baik berasal dari cerita fiksi mahupun non fiksi, dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia* mendefinisikan erti daripada cerita, bahawa cerita adalah tuturan yang membentangkan bagaimana terjadinya suatu hal (peristiwa, kejadian, dan sebagainya) sedangkan legenda adalah salah satu cerita yang dikembangkan dalam masyarakat tradisional yang mengandungi unsur-unsur kepercayaan di dalamnya.

Dari keterangan di atas dapat kita simpulkan bahawa cerita legenda merupakan tuturan yang membentangkan tentang kisah purba yang berkembang dalam masyarakat tradisional yang mengandungi unsur-unsur kepercayaan di dalamnya. Cerita legenda yang dimaksudkan di dalam kajian ini adalah cerita *Legenda Puteri Denda Mandalika* dan *Legenda Dewi Anjani* yang berada di Pulau Lombok.

1.10.3 Pulau Lombok

Lombok adalah sebuah pulau yang terletak di Nusa Tenggara Barat negara Indonesia. Pulau Lombok adalah salah satu pulau yang terletak di antara pulau Bali dan pulau Sumbawa, sementara laut Jawa di sebelah utara dan lautan India di sebelah selatan.



Pulau ini terdiri daripada empat kabupaten atau kawasan dan satu kota madya iaitu Kabupaten Lombok Barat, Kabupaten Lombok Timur, Kabupaten Lombok Tengah dan Kabupaten Lombok Utara dan kotamadya iaitu Kota Mataram.

1.10.4 Semiotik Peirce

Semiotik atau ada yang menyebutnya semiotika berasal dari bahasa Yunani iaitu 'semeion' yang bererti 'tanda'. Semiotik adalah cabang ilmu yang bicara mengenai kajian tanda dan segala sesuatu yang berhubungan dengan tanda, seperti sistem tanda dan proses yang berlaku bagi pengguna tanda (Zoest, 1991, ms. 1). Menurut Charles Sanders Peirce, proses pemaknaan dan penafsiran tanda dalam semiotik disebut *semiosis*. Istilah *semiosis* digambarkan sebagai suatu proses dari pencerapan sesuatu oleh indra kita yang kemudian diolah oleh kognisi kita. Konsep semioti Charles Sanders Peirce mengenai sistem triadik semiotika membagi menjadi tiga iaitu Representment (*Firstness*), Objek (*Secondness*) dan Interpretan (*Thirdness*). Dalam kajian ini, daripada konsep triadik Peirce ini akan digunakan bentuk kedua iaitu objek yang mana Peirce membagi objek menjadi tiga mod iaitu *ikonic mode*, *indexical mode* dan *symbol mode*.

a. Ikon (*Iconic Mode*)

Ikon dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (KBBI) mempunyai dua erti iaitu lukisan, gambar, gambaran pada panel kayu yang digunakan dalam perkhidmatan gereja-gereja Kristian ortodoks. Kedua, dalam ilmu komputer iaitu gambar kecil atau simbol





pada skrin komputer yang melambangkan sesuatu (program, peranti, dll) yang diaktifkan dengan mengklik.

Ikon merupakan sebuah tanda yang mewakili apa yang menjadi petandanya, ikon menunjukkan kemiripan terhadap objek yang sebenarnya, sebagai salah satu contoh ketika patung Saddam Hussain di tumbangkan oleh Amerika Syarikat, hal itu menunjukkan tumbangannya Iraq. Penanda di sini adalah patung Saddam Hussain mewakili Iraq sebagai petandanya. Ikon adalah tanda yang mewakili sumber acuan melalui sebuah bentuk replikasi, simulasi, imitasi, atau persamaan. Dapat disimpulkan bahawa ikon adalah kategori tanda yang representasinya memiliki keserupaan identiti dengan objek yang ada dalam kognisi manusia yang bersangkutan.



mengatakan bahawa Ikon merupakan tanda yang merujuk kepada objek kerana hubungan kemiripan. Sebuah tanda bersifat *ikonik* apabila terdapat kemiripan rupa antara tanda dengan hal yang diwakilinya seperti peta atau lukisan yang memiliki hubungan ikonik dengan objeknya (Kris Budiman, 1999, ms. 49). Maka ikon merupakan persamaan dengan bentuk objek yang melaksanakan fungsi sebagai penanda yang menjadi tanda pada petandanya. Berdasarkan pada pengertian itu, ikon yang dimaksudkan dan digunakan dalam kajian ini iaitu ikon berdasarkan pada pengertian oleh Charless Sanders Peirce.



b. Indeks (*Indexical Mode*)

Indeks mengikut *Kamus Besar Bahasa Indonesia* adalah senarai perkataan atau istilah penting yang terkandung dalam buku (biasanya pada akhir buku) yang disusun mengikut abjad yang memberikan maklumat mengenai halaman di mana perkataan atau istilah dijumpai. Dalam ilmu ekonomi, indeks adalah senarai harga semasa berbanding dengan harga sebelumnya dengan persentase untuk mengetahui kenaikan dan kejatuhan harga barang.

Menurut Peirce yang dipetik dalam Alex Sobur (2009, ms. 41-42) menjelaskan bahawa indeks ialah tanda yang menunjukkan adanya hubungan semula jadi antara tanda-tanda dan petanda yang bersifat kausal atau sebab-akibat, atau tanda-tanda yang secara langsung merujuk kepada realiti. Dengan indeks kita boleh menghubungkan antara penanda dan petandanya yang memiliki sifat-sifat seperti nyata, bertataurur, sebab-akibat dan selalu mengisyaratkan sesuatu (Puji Santosa, 1993, ms. 12). Peirce (1931) menjelaskan bahawa indeks merujuk kepada objek yang menunjukkan kesan daripada objek.

The index is connected to its object as a metter of fact (ibid.,4.447). there is a real connected (ibid., 5.75) which may be a direct physical connection (ibid., 1.372, 2.281, 2.299)

(Daniel Chandler, 2009, ms. 248).

Dari pada definisi indeks di atas, jelaslah bahawa hubungan sebab akibat antara penanda dan petandanya dan merujuk kepada suatu merupakan ciri yang penting pada tanda indeks. Contoh yang paling biasa daripada indeks adalah antara asap dengan api



yang merupakan kejadian yang saling berkaitan, asap boleh dianggap sebagai api kerana asap merupakan indeks untuk api, dari contoh di atas dapat disesuaikan dengan pendapat Mana Sikana yang dipetik dalam Tengku Intan Marlina (2014, ms. 21-22) yang mengatakan bahawa indeks adalah tanda yang merujuk kepada suatu tanda yang mengumpulkan satu tanda atau beberapa fenomena, sebab-musabab, symptom, isyarat, ikatan dan sebagainya. Pengertian indeks yang digunakan dalam kajian ini iaitu indeks berdasarkan pada pengertian oleh Charless Sanders Peirce.

c. Simbol (*Symbol Mode*)

Secara etimologis, pengertian simbol berasal dari istilah Yunani iaitu *Symboion* dari *Symballo* yang bermaksud menggambarkan kesimpulan yang berarti kesan. Secara terminologi, pengertian simbol adalah cara atau medium untuk membuat dan juga memberi mesej, menyusun sistem epistemologi dan mengenai perkara kepercayaan yang dipegang (Sujono S, 2001, ms. 187). Dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia* simbol memiliki erti lambang sedangkan menurut *Kamus Dewan* (2010, ms. 1495), simbol adalah sesuatu yang mewakili sesuatu yang lain.

Simbol adalah tanda yang arbitrer dan konvensional. Simbol dikatakan sebagai arbitrer kerana simbol muncul secara sewenang-wenang dan berdasarkan sesuka hati sesuatu masyarakat. Selain itu, simbol dikatakan konvensional kerana sesuatu simbol itu telah diterima dan digunakan secara meluas dengan pengertian yang sama dalam suatu masyarakat.



Menurut Peirce yang dipetik dalam Tengku Intan Marlina Mohd. Ali (2014, ms. 25) mengatakan bahawa simbol ialah tanda yang merujuk kepada objek, menunjukkan peraturan (*law*), biasanya merupakan gabungan idea-idea umum (*general ideas*). Penjelasan itu dijelaskan oleh Charless Sanders Peirce mengenai simbol dalam bukunya *Collected Papers Charles Sanders Peirce (1931)*

A simbol is a sign which refers to the object that is denoted by virtue of a law, usually an association of general ideas, which operates to cause the symbol to be interpreted as referring to that object.

(Peirce, 1931-58, ms. 2.249)

Sebuah simbol ialah objek yang mewakili atau memberi maksud ataupun melambangkan, sebuah idea, imej visual, kepercayaan, tindakan, atau entiti material. Simbol mengambil bentuk perkataan, bunyi, gerak isyarat ataupun imej visual, dan digunakan untuk menyampaikan idea dan kepercayaan. Oleh kerana pengertian simbol banyak mendapat definisi baik dari kamus mahupun dari ahli-ahli, maka, dalam kajian ini pengertian simbol akan dibatasi pada pengertian yang berdasarkan pada pengertian Charless Sanders Peirce sahaja.

1.11 Penutup

Kajian ini terhad pada teks legenda yang terdapat di pulau Lombok, iaitu legenda Puteri Denda Mandalika yang diterbitkan oleh Pusat Bahasa, Bahagian Projek Pembinaan Buku Sastra Indonesia dan Daerah Jakarta pada tahun 2002 dan legenda Dewi Anjani dengan judul buku “Legenda Dewi Anjani Penguasa Gunung Rinjani”

yang disusun oleh Siti Raudloh dan diterbitkan oleh Kantor Bahasa Nusa Tenggara Barat, Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan tahun 2017.

Kajian ini dilakukan dengan teknik deskriptif kualitatif atau analisis kandungan teks dan menggunakan pendekatan semiotik Charless Sanders Peirce untuk menganalisis ikon, indeks dan simbol dua legenda dalam masyarakat Lombok, iaitu kisah *Legenda Puteri Denda Mandalika* dan *Legenda Dewi Anjani*. Dalam cerita legenda Puteri Mandalika dan Dewi Anjani mempunyai ikon, indeks dan simbol yang perlu dianalisis bagi memperlihatkan kearifan lokal masyarakat Lombok. Adapun prinsip-prinsip yang digunakan untuk menganalisis data kajian adalah prinsip analisis data menurut Creswell.